

KEJOHANAN SUKAN TAHUNAN INSMAT



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4538-kejohanan-sukan-tahunan-insmat

INSMAT, 15 Feb 19 - Majlis Pembukaan Kejohanan Sukan Tahunan INSMAT bagi tahun 2019 dan pertandingan road relay telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah bertempat di Arena Sukan INSMAT. Majlis turut disertakan dengan persembahan tarian haka oleh penuntut kursus serta upacara pemotongan reben sebagai simbolik perasmian. Acara ini telah dianjurkan oleh pelatih Kursus Pengurusan Material dan Pengurusan Gudang Siri 93/2019 dengan kerjasama Cawang Jasmani INSMAT.

Terdapat 11 kumpulan yang bertanding yang terdiri daripada kategori staf dan kategori pelath. Kumpulan Yellow Jaguar telah menjadi johan acara road relay bagi kategori staf manakala kumpulan Merpati Putih pula johan bagi kategori pelatih. Di dalam ucapan Pegawai Memerintah INSMAT, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan menzahirkan perasaan teruja di atas kejayaan penganjuran acara ini. Beliau juga menyeru supaya semangat berpasukan yang kental dan disiplin yang tinggi ini dapat dikekalkan dan diaplikasikan dalam perkhidmatan dan kerja sehari-hari kelak. Selain menjadi acara tahunan sukan INSMAT, acara ini juga diadakan sebagai satu platform untuk memupuk semangat kerja berpasukan selain mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara semua staf, jurulatih dan pelatih INSMAT.



